



MAJESTIC
JOHOR



MAJESTIC

JOHOR

FOOD AWARDS

2025



KATA ALU-ALUAN

'Majestic Johor Food Awards 2025'



SHARIL NIZAM BIN ABDUL RAHIM

Pengarah Tourism Johor.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua tetamu kehormat, pengusaha makanan, dan hadirin ke Majlis 'Majestic Johor Food Awards 2025'. Majlis berprestij ini merupakan satu usaha bermakna untuk mengiktiraf sumbangan pengusaha makanan dan restoran terbaik di Johor.

'Majestic Johor Food Awards' bukan sekadar pengiktirafan, tetapi juga platform untuk mengetengahkan keunikan seni kulinari Johor. Dengan sejarah dan budaya yang kaya, Johor menawarkan pelbagai hidangan istimewa yang mencerminkan kepelbagaian kaum dan budaya, menjadikan negeri ini destinasi makanan terkenal di Malaysia dan antarabangsa.

Anugerah ini merangkumi tiga kategori utama: Kategori Halal, Kategori Tidak Halal, dan Kategori Terbuka. Setiap kategori mencerminkan kepelbagaian kulinari Johor, dengan garis panduan jelas yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

Saya yakin anugerah ini akan terus memacu industri makanan Johor ke arah yang lebih gemilang, memberi inspirasi kepada pengusaha untuk terus berinovasi dan berjaya. Tahniah kepada semua yang terlibat dan diiktiraf hari ini. Semoga anugerah ini menjadi acara tahunan dan menyokong kempen Tahun Melawat Johor 2026.

M A J E S T I C

Sekian, terima kasih.

JOHOR



致 辞

‘2025 年宏伟柔佛美食奖’

沙里尔尼阿督拉拉希姆

柔佛旅游局局长

愿真主赐您平安、慈悯与祝福，以及祝您安好，”

感谢真主，我谨向所有贵宾、食品经营者及各位来宾表示热烈的欢迎，参加‘2025 年宏伟柔佛美食奖’盛典。此项享有盛誉的活动是一个重要的努力，旨在表彰柔佛州最佳的食物经营者和餐馆。

‘2025 年宏伟柔佛美食奖’不仅是对优秀的认可，也是展示柔佛独特烹饪艺术的平台。柔佛州拥有丰富的历史和文化，提供了各种特殊菜肴，反映了多元的种族和文化，使该州成为马来西亚和国际上的著名美食目的地。

本奖项包括三大奖项：清真奖项、非清真奖项和开放式奖项。每个奖项体现了柔佛州的烹饪多样性，并根据相关权威机构设定的明确指南进行评定。

我相信，这项奖项将继续推动柔佛州食品行业向更高的成就迈进，激励经营者不断创新和取得成功。祝贺今天所有获奖者。愿此奖项成为年度盛事，并支持‘2026 年柔佛旅游年’活动。

谢谢。

'MAJESTIC JOHOR FOOD AWARDS 2025'

A. Pengenalan.

Johor merupakan salah satu destinasi pelancongan utama di Malaysia dengan pelbagai tarikan menarik seperti taman tema, pantai yang indah, serta warisan sejarah dan budaya yang kaya. Sebagai negeri yang terletak di Selatan Semenanjung Malaysia, Johor menawarkan pengalaman unik kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

Johor Bahru, ibu negeri Johor, adalah pusat ekonomi dan perdagangan utama yang menarik pelancong untuk membeli-belah dan menikmati hidangan tempatan. Antara tarikan utama di Johor termasuk:

- i. **Legoland Malaysia:** Taman tema yang bertemakan Lego yang pertama di Asia Tenggara.
- ii. **Laman Mahkota dan Laman Serene:** Salah satu mercu tanda / ikonik pelancongan yang menjadi 'spot' dan tumpuan pelancong yang terletak berhadapan dengan Istana Bukit Serene, Johor Bahru.
- iii. **Bazar Karat:** Bazar yang menawarkan pelbagai barang antik dan cenderahati unik di Bandaraya Johor Bahru.
- iv. **Masjid Sultan Abu Bakar:** Masjid bersejarah yang merupakan warisan Negeri Johor dengan keindahan seibina dan nilai sejarahnya menjadikan salah satu tarikan pelancongan budaya bagi pengunjung.
- v. **Muzium Diraja Abu Bakar dan Istana Besar:** Lokasinya menghadap Selat Johor, Istana Besar adalah tempat upacara adat istiadat di Raja Johor.
- vi. **Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Muzium Warisan Tiong Hua dan Pusat Warisan India Johor:** Menawarkan pameran seni dan artifak sejarah, kesenian muzium dan kebudayaan yang menarik.
- vii. **Persiaran Muafakat Bangsa Johor (Johor's Street of Harmony):** Meraikan kepelbagaian budaya dan agama di negeri Johor. Jalan ini menempatkan lima rumah ibadat bersejarah termasuk Masjid India Dato' Mad Awang, Kuil Sri Raja Mariamman, Kuil Gudwara Sahib Sikh, Kuil Ku Miao dan juga Gereja Agama Kristian Jalan Gereja.
- viii. **Johor Premium Outlets (JPO):** Kedai jenama premium mewah pertama di Asia Tenggara, Kulai adalah mercu tanda pemburu membeli belah barangan eksklusif. Menawarkan banyak butik berjenama.

- ix. **Stadium Sultan Ibrahim:** Antara stadium terbaik di dunia dan juga menjadi ikonik pelancongan di Johor dengan rekabentuk moden serta memiliki fasiliti berkelas dunia malah mempunyai padang berkualiti tinggi setanding dengan stadium-stadium terbaik eropah bukan sahaja untuk kegunaan perlawanan bola sepak malah menjadi pusat riadah yang menjadi tumpuan pengunjung.
- x. **Pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Johor (Kota Iskandar):** Memikat pelancong dengan gabungan unik sejarah, budaya dan seni bina yang menakjubkan
- xi. **Taman Negara Johor Tanjung Piai:** Mempunyai titik lokasi penghujung Selatan Benua Asia.
- xii. **Taman Negara Johor Pulau Kukup:** Diiktiraf sebagai pulau paya bakau antara yang terbesar di dunia.
- xiii. **Taman Negara Gunung Ledang:** Gunung yang terkenal dengan Sejarah Melayu iaitu legenda Puteri Gunung Ledang dan antara menjadi lokasi pilihan untuk pendaki.
- xiv. **Taman Negara Johor Endau Rompin (PETA):** Hutan hujan semulajadi terbesar di Negeri Johor.
- xv. **Kompleks Kraf Johor:** Destinasi persinggahan setempat / pusat sehenti pelancongan yang berkonsepkan seni ikonik, budaya dan kraf tangan di Johor Bahru.
- xvi. **Pulau Mawar:** Lokasi pelancongan yang mempamerkan keindahan landskapnya yang sesuai untuk ber'swap'foto, aktiviti perkhemahan serta juga boleh melihat panorama 'bima sakti (milky way) di langit pada waktu malam.
- xvii. **Taman Eko Rimba Gunung Pulai:**Merupakan lokasi eko pelancongan di daerah Kulai yang dijadikan sebagai tarikan bagi aktiviti pendakian.
- xviii. **Hutan Lipur Panti / Taman Eko Rimba Panti:** Taman Rekreasi bagi pelancong yang cintakan kehijauan alam sekitar dengan pelbagai spesies tumbuhan pokok. Antara aktiviti yang boleh dijalankan seperti berkelah, berkhemah dan trekking.
- xix. **Desaru Coast:**
- **One & Only Resorts:** Resort mewah yang menawarkan perkhidmatan dan kemudahan bertaraf dunia dengan pantai persendirian yang indah.

- **Anantara Hotels & Resorts:** Menyediakan penginapan yang selesa dengan pemandangan laut yang menakjubkan serta perkhidmatan spa yang menyegarkan.
- **The Westin Desaru Coast Resort:** Dikenali dengan katil "*Heavenly Bed*" mereka dan kemudahan mesyuarat serta acara yang lengkap.
- **Hard Rock Hotel:** Menawarkan pengalaman penginapan yang unik dengan tema muzik *rock* dan hiburan *live*.
- **Desaru Adventure Waterpark:** Taman tema air yang menyediakan pelbagai permainan air yang menyeronokkan untuk semua peringkat umur.

xx. **Golf Course (Els Club)**

- **Ocean Course:** Menawarkan pemandangan laut yang menakjubkan dengan laluan yang mencabar.
- **Valley Course:** Dikelilingi oleh kehijauan alam semula jadi, sesuai untuk pencinta alam.
- **Rain Forest Course:** Menggabungkan elemen hutan hujan dengan reka bentuk padang golf yang inovatif.

xxi. **Forest City Golf Resort:** Destinasi golf utama yang mesra alam dengan padang golf kejuaraan yang pemandangannya memukau.

xxii. **Horizon Hills Golf & Country Club:** Kelab golf yang sofistikated dengan padang golf yang mencabar.

xxiii. **The Legends golf & Country Resort:** Resort golf terkemuka dengan padang golf yang menawarkan pelbagai kemudahan.

xxiv. **Desaru Fruit Farm:** Ladang buah-buahan yang menawarkan pelbagai aktiviti seperti memetik buah, lawatan ladang, dan menikmati buah-buahan segar.

xxv. **Sg. Rengit (Jade Garden Seafood Restaurant):** Menyajikan makanan laut yang segar di Jade Garden Seafood Restaurant, popular dengan hidangan ketam dan udang.

xxvi. **Muzium Nelayan:** Destinasi warisan menarik yang memaparkan kehidupan nelayan tradisional.

xxvii. **Bandar Kota Tinggi**

- **TIC Balai Kota:** Pusat Informasi pelancongan
- **Muzium Kota Tinggi:** Memaparkan sejarah dan budaya Johor dengan koleksi artifak dan pameran yang menarik.
- **TLC BBQ & Café:** Restoran (non-halal) yang terkenal dengan hidangan barbeku dan suasana yang santai.

xxviii. **Teluk Sengat**

- **Malay & Chinese Seafood Restoran:** Menawarkan pelbagai hidangan laut yang lazat.
- **Crocodile Farm:** Tempat menarik yang memaparkan pelbagai spesies buaya.

xxix. **Ostrich Farm:** Menyediakan lawatan pendidikan tentang burung unta dan produk berkaitan.

xxx. **Pulau Besar:** Destinasi indah untuk aktiviti snorkelling dan berehat dari kesibukan bandar.

xxxi. **Pulau Rawa:** Pulau yang menawarkan pantai berpasir putih dan air laut yang jernih, sesuai untuk percutian santai.

xxxii. **Pulau Aur:** Popular dengan aktiviti menyelam dan snorkelling, serta keindahan terumbu karang.

xxxiii. **Pulau Sibul:** Menawarkan pelbagai aktiviti laut seperti berkayak dan memancing.

xxxiv. **Pulau Tinggi:** Destinasi ideal untuk penggemar alam semula jadi dengan hutan tropika dan pantai yang cantik.

xxxv. **Pulau Pemanggil:** Terkenal dengan keindahan alam semula jadi dan aktiviti menyelam yang menakjubkan.

xxxvi. **Pulau Tengah:** Pulau ini terdapat resort mewah dan cantik serta mempunyai air dan pantai yang mempersonakan.

xxxvii. **Pantai:**

- **Pantai Tanjung Balau:** Keindahan tarikan pelancongan yang terletak di daerah Kota Tinggi ini pastinya menggamit perhatian sesiapa sahaja untuk berkunjung ke situ.

- **Pantai Tanjung Buluh:** Pemandangan pantai di sini sangat cantik terutama ketika matahari terbit dan terbenam menjadikan pantai ini antara pantai awam yang kerap dikunjungi orang ramai yang ingin beriadah bersama keluarga tersayang. Sesuai untuk dijadikan spot bercuti bersama keluarga dan rakan-rakan,
- **Pantai Tanjung Sedili:** Tiupan angin sepoi-sepoi bahasa di tepi pantainya yang indah menghasilkan irama lautan yang amat mengasyikkan.
- **Pantai Penyabong:** Pantai yang menjadi tumpuan dan viral kerana suasananya seperti di Bali, Indonesia. Terdapat spot pemandangan atas bukit untuk ber OOTD. Sesuai untuk kaki memancing di Jeti Tanjung Penyabong dan pulau sekitar.
- **Pantai Pasir Lanun:** Lokasi untuk menikmati pemandangan panorama indah matahari terbit dan terbenam.
- **Pantai Air Papan:** Menjadi tumpuan pada hari cuti. Pelbagai aktiviti boleh dilakukan seperti mandi pantai, perkhemahan dan bergambar.

B. Makanan-Makanan Terkenal di Johor

Johor terkenal dengan pelbagai hidangan tradisional Melayu dan Cina yang memikat selera pelancong tempatan dan luar negara. Beberapa hidangan yang wajib dicuba apabila melawat Johor termasuklah:

- i. **Mee Bandung Muar:** Hidangan mi kuning dengan kuah pedas dan lemak, daging dan udang yang disajikan dengan sayur-sayuran segar.
- ii. **Nasi Ambeng:** Hidangan tradisional Jawa yang disajikan secara besar-besaran untuk berkongsi bersama keluarga dan rakan-rakan.
- iii. **Otak-otak:** Hidangan makanan laut yang dibalut dalam daun kelapa dan dipanggang, menggabungkan rempah-ratus khas.
- iv. **Kacang Pool:** Hidangan sarapan yang popular di Johor Bahru, dihidangkan dengan roti dan telur di atas sos kacang yang kaya dan lazat.
- v. **Laksa Johor:** Hidangan laksa yang unik dengan penggunaan spaghetti sebagai mi, dihidangkan dengan kuah ikan yang pekat dan pedas.
- vi. **Mee Rebus Johor:** Hidangan mi dengan kuah kicap manis yang disajikan dengan tauhu, kentang, dan telur rebus.

- vii. **Pepes Johor:** Hidangan ikan yang dibalut dalam daun pisang dan dibakar dengan rempah-ratus khas Johor.
- viii. **Kuih Bludal:** Kuih tradisional Johor yang diperbuat dari tepung pulut dan kelapa, manis dan kenyal.
- ix. **Telur Pindang:** Hidangan telur yang direbus dengan pelbagai herba dan rempah, menghasilkan rasa yang unik dan warna coklat gelap.
- x. **Nasi Briyani Johor:** Hidangan nasi yang dimasak dengan rempah-rempah khas dan disajikan dengan daging ayam atau kambing.
- xi. **Murtabak Johor:** Hidangan roti berlapis yang diisi dengan daging cincang, telur, dan rempah-rempah, kemudian digoreng hingga rangup.
- xii. **Tembosa:** Kuih tradisional yang diisi dengan inti daging cincang, atau ayam dan kentang.
- xiii. **Kuih Kacau Keledek:** Kuih yang diperbuat dari ubi keledek dan gula, kenyal dan manis.
- xiv. **Harisa:** Hidangan bubur yang diperbuat dari gandum dan daging, biasanya dimasak semasa bulan Ramadan.
- xv. **Mee Siput Johor:** Merupakan snek ataupun makanan ringan yang terkenal dengan tradisi orang Muar. Keunikannya berbentuk seperti cengkerang siput dan mempunyai tekstur yang ranggup menyerupai rasa rapuh kulit cengkerang siput.
- xvi. **Asam Pedas Johor:** Masakan asam pedas dari negeri Johor, sedikit berbeza daripada asam pedas orang Melaka. Asam pedas Johor menggunakan daun kesum dan bunga kantan berbeza asam pedas Melaka. Selain daripada ikan seperti ikan tongkol dan ikan duri, juga boleh gabungkan asam pedas bersama ayam dan daging. Semuanya bergantung kepada kehendak dan citarasa.
- xvii. **Mee Racun:** Merupakan sejenis makanan berasaskan mee yang sangat popular di daerah Batu Pahat. Dengan kelazatan kuah manis pedas dan kelembutan daging yang telah dimasak selama 4 jam.
- xviii. **Burasak & Lepat Lui:** Merupakan makanan tradisi masyarakat Bugis yang menjadi pilihan untuk dihidangkan Bersama ayam masak lengkuas atau asam pedas.
- xix. **Sup Tulang Merah:** Sup tulang merah adalah antara menu popular di selatan tanah air Johor.

- xx. **Lontong Sate:** Menarik mengenai menu lontong sate ini, campuran kuah lontong bersama dengan nasi impit, telur dadar, tahu goreng dan khususnya sate itu sendiri membuatkan rasanya begitu sedap dan amat berbaloi untuk dicuba.
- xxi. **Kuzi:** Hidangan ini berasal daripada Johor dan Kelantan ia seperti Kerutuk dan Rendang.
- xxii. **Nasi Beringin:** Berasal dari Muar pada awalnya ia dihidangkan di kalangan kerabat Diraja Johor.
- xxiii. **Halwa Maskat:** Makanan ini diinspirasi daripada masakan Arab yang merupakan hidangan pencuci mulut dan turut menjadi tradisi masyarakat Banjar. Manisan ini diperbuat daripada tepung yang dibasuh dan ditapis untuk mendapatkan pati tepung sebelum di peram selama 3 hari sebelum di masak di atas dapur, ia digaulkan bersama minyak sapi dan kismis.

Dengan keunikan tarikan pelancongan dan kepelbagaian makanan tradisionalnya, Johor menawarkan pengalaman yang tak dapat dilupakan kepada setiap pelawat sama ada dari dalam atau luar negara.

Sehubungan itu, Tourism Johor akan menganjurkan Majlis '*Majestic Johor Food Awards 2025*', yang bertujuan untuk mengiktiraf dan menghargai pengusaha-pengusaha makanan serta restoran terbaik di negeri ini. Anugerah ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi prestasi industri makanan tempatan serta mempromosikan warisan budaya negeri Johor kepada dunia.

C. Kategori Pengiktirafan.

'Majestic Johor Food Awards 2025' : Tiga Kategori Utama

'Majestic Johor Food Awards 2025' dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu Kategori Halal, Kategori Tidak Halal, dan Kategori Terbuka. Setiap kategori mempunyai syarat-syarat khusus yang perlu dipatuhi oleh para peserta, berpandukan garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Malaysia (MAIM), Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ), dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), serta standard kebersihan dan keselamatan makanan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

1. Kategori Halal

Kategori Halal ini dikhususkan untuk restoran dan pengusaha makanan yang menyajikan hidangan yang memenuhi syarat halal seperti yang ditetapkan oleh MAIM, JAIJ, dan JAKIM. Syarat-syarat utama yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- a) Bahan Mentah Halal: Semua bahan mentah yang digunakan mestilah disahkan halal.
- b) Proses Penyediaan: Proses penyediaan makanan mesti bebas dari sebarang bentuk pencemaran silang dengan bahan yang tidak halal.
- c) Pensijilan Halal: Restoran atau pengusaha makanan mesti memiliki sijil halal yang sah dari JAKIM.
- d) Rekod Latihan dan Pendidikan: Semua pekerja yang terlibat dalam penyediaan makanan mestilah diberi latihan mengenai kepentingan dan pematuhan halal. (Rekod latihan perlu disimpan untuk tujuan pengauditan)
- e) Rekod Audit Berkala: Pengusaha mesti bersedia untuk menjalani audit halal berkala yang dijalankan oleh pihak berkuasa agama. (Rekod audit perlu disimpan untuk tujuan pengauditan).

2. Kategori Tidak Halal

Kategori ini terbuka kepada restoran dan pengusaha makanan yang menyajikan hidangan tidak halal. Walaupun tiada syarat halal yang perlu dipatuhi, pengusaha masih perlu memastikan mereka mematuhi undang-undang dan peraturan kebersihan makanan yang ketat seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Syarat-syarat utama termasuk:

- a) Kebersihan dan Keselamatan Makanan: Mematuhi semua standard kebersihan dan keselamatan makanan yang ditetapkan oleh KKM.
- b) Pengurusan Sisa: Mengurus sisa makanan dan sampah dengan cara yang mesra alam dan mengikut peraturan.
- c) Rekod Latihan Pekerja: Memberikan latihan yang sewajarnya kepada pekerja mengenai kebersihan dan keselamatan makanan. (Rekod latihan perlu disimpan untuk tujuan pengauditan)

3. Kategori Terbuka

Kategori Terbuka ini adalah untuk pengusaha makanan yang tidak termasuk dalam kategori Halal atau Tidak Halal. Ini termasuk pengusaha makanan vegetarian, vegan (makanan yang berasaskan tumbuhan sepenuhnya), dan lain-lain (makanan mengikut etnik). Syarat-syarat yang perlu dipatuhi termasuk:

- a) Kebersihan dan Keselamatan Makanan: Mematuhi standard kebersihan dan keselamatan makanan yang ditetapkan oleh KKM.

- b) Penggunaan Bahan Asli dan Organik: Menggalakkan penggunaan bahan makanan asli dan organik, jika berkenaan.
- c) Inovasi dan Kreativiti: Menampilkan inovasi dan kreativiti dalam penyediaan dan penyajian makanan.
- d) Rekod Latihan Pekerja: Memberikan latihan yang sewajarnya kepada pekerja mengenai kebersihan dan keselamatan makanan. (Rekod latihan perlu disimpan untuk tujuan pengauditan)

Kesimpulan

'Majestic Johor Food Awards 2025' bukan sahaja bertujuan untuk menghargai pengusaha-pengusaha makanan terbaik di negeri ini, tetapi juga untuk menggalakkan pematuhan terhadap standard halal dan kebersihan yang tinggi. Dengan adanya tiga kategori utama ini, anugerah ini dapat mengiktiraf pelbagai jenis pengusaha makanan, sambil memastikan bahawa makanan yang disajikan adalah berkualiti dan selamat untuk dinikmati oleh semua.





Menyajikan Keenakan sejak 1960-an



MS 1500 : 2009
1001-06/2008



BUATAN MALAYSIA






Tasty Dip ialah satu jenama yang telah didaftarkan oleh Syarikat Choon Fatt Sauce Factory Sdn Bhd, sebuah Syarikat tempatan yang mempunyai kilang pengeluaran sos dan kicap diperbuat daripada kacang soya di IKS Simpang Ampat, Pulau Pinang. Kilang ini telah diperakui oleh pihak MeSTI (Kementerian Kesihatan) dan juga mendapat Persijilan Halal daripada pihak JAKIM.

Lebih 60 tahun pengalaman dan kepakaran di dalam proses pembuatan, kilang ini mengkhusus di dalam proses fermentasi semula jadi terutamanya kicap soya dan pes kacang soya. Proses ini telah diperturunkan dan diwarisi secara tradisi dari satu generasi ke generasi yang lain.

Bermula secara tradisi daripada teras pembuatan kicap soya dan pes fermentasi kacang, syarikat ini telah berkembang dengan memperkenalkan pelbagai sos lain sesuai dengan citarasa orang Asia seperti sos cili, sos tomato, sos tiram, kicap pekat, sos plum, sos lada hitam, sos teriyaki, cuka sehingga ke sos campuran seperti sos Gorengan (Char's sauce) dan Sos Inggeris untuk menyedapkan masakan.

Selain penjualan di pasaraya dan mini mart di seluruh negara, produk kami juga telah dieksport ke pasaran antarabangsa seperti di Brunei, Indonesia, New Zealand, Australia dan Thailand.



MS 1500 : 2009
1001-06/2008



Untuk maklumat lanjut tentang produk, sila hubungi wakil kami di Johor 012-704 0224 (En. Gan) atau 019-356 3792 (En. Hafiz)



Majestic Johor Food Awards 2025



Kami berbangga dan amat berbesar hati kerana dijemput oleh Tourism Johor di dalam program Anugerah Kulinari Warisan Johor 2025.



Choon Fatt Sauce Factory Sdn Bhd (200701014429)
No. 1672, Lot 7655 Jalan IKS Simpang Ampat I, Kawasan Industri Simpang Ampat,
Mukim 15, Seberang Perai Selatan 14100, Pulau Pinang
www.choonfattsauce.com
Email – enquiry@choonfattsauce.com

Penglibatan Tasty Dip di "World Chef Championship 2024"
di Persada, Johor Bahru



Jenama Tasty Dip amat berbangga diberi penghormatan untuk berkongsi RASA ENAK ini dengan semua peserta kejohanan terutamanya masyarakat Johor. SYABAS!



‘2025 年宏伟柔佛美食奖’

A. 简介

柔佛是马来西亚主要的旅游目的地之一，拥有各种吸引人的景点，如主题公园、美丽的海滩，以及丰富的历史和文化遗产。作为位于马来西亚半岛南部的州属，柔佛为国内外游客提供了独特的体验。

柔佛州首府新山是一个重要的经济和贸易中心，吸引游客前来购物和品尝当地美食。柔佛的主要景点包括：

- i. **马来西亚乐高乐园**：东南亚首个以乐高为主题的主题公园。
- ii. **武吉仕林皇宫皇冠广场**：这是一处标志性旅游景点，位于新山的武吉仕林皇宫前，是游客们的热门拍照打卡地。
- iii. **巴扎卡拉特 / 生锈市场**：位于新山市中心的一个集市，提供各种古董和独特的纪念品。
- iv. **苏丹阿布峇卡清真寺**：柔佛州的历史遗迹之一，以其精美的建筑和历史价值成为文化旅游的亮点。
- v. **苏丹阿布峇卡皇家博物馆和大皇宫**：位于柔佛海峡旁，大皇宫是柔佛王室举行仪式的地方。
- vi. **苏丹阿布峇卡柔佛遗产基金局综合大厦、新山华族历史文物馆及印度文化遗产中心**：展示丰富的艺术和历史文物，是文化爱好者的必游之地。
- vii. **柔佛和谐之道**：庆祝柔佛州多元文化和宗教的和谐之地，这条街道上有五座历史悠久的宗教建筑，包括印度清真寺拿督马德阿旺、印度斯里拉惹玛丽安曼兴度庙、古德瓦拉锡克庙、柔佛古庙以及圣母无染原罪天主教堂。
- viii. **柔佛名牌城**：东南亚首个奢侈品牌购物中心，吸引着购物爱好者前来购买独家商品。
- ix. **苏丹依布拉欣体育场**：世界上最好的体育场之一，也是柔佛的标志性旅游景点，拥有现代化的设计和世界级的设施，甚至拥有与欧洲最好的体育场媲美的高质量草坪。不仅用于足球比赛，还成为吸引游客的休闲中心。
- x. **柔佛州政府行政中心（伊斯干达城）**：吸引游客以其独特的历史、文化和令人惊叹的建筑风格。

- xi. **丹绒比艾国家公园**：位于亚洲大陆最南端的地点。
- xii. **龟咯岛国家公园**：被认可为世界上最大的红树林之一。
- xiii. **金山国家公园**：以马来历史著称的山 — 传说中有着公主传说的乐浪山，是登山者的热门选择地点之一。
- xiv. **柔佛恩道罗平国家公园**：柔佛州最大的自然雨林。
- xv. **柔佛手工工艺品中心**：位于新山的一个集艺术、文化和手工艺品为一体的旅游目的地。
- xvi. **玛娃岛**：展示美丽景观的旅游胜地，适合露营和观赏夜空的银河。
- xvii. **埔来山森林生态公园**：位于古来的生态旅游胜地，适合登山活动。
- xviii. **潘蒂山休闲森林保护区**：为热爱大自然的游客提供了丰富的植被种类，是野餐、露营和徒步的理想场所。

xix. **迪沙鲁海岸**：

- **One & Only 唯逸度假酒店**：拥有私人沙滩和提供世界级服务设施的豪华度假村。
- **安纳塔拉酒店及度假酒店**：提供舒适的住宿环境和壮丽的海景，还有令人身心放松的水疗服务。
- **威斯汀迪沙鲁海岸度假村**：以“天梦之床”闻名，设有完善的会议和活动设施。
- **硬石酒店**：以摇滚音乐为主题的独特住宿体验，有现场娱乐表演。
- **迪沙鲁水上探险乐园**：提供适合所有年龄段的各种有趣水上游戏。

xx. **高尔夫球场（埃尔斯俱乐部）**

- **海洋球场**：拥有壮丽的海景和具有挑战性的路线。
- **山谷球场**：被自然美景环绕，适合大自然爱好者。
- **雨林球场**：将雨林元素与创新的高尔夫球场设计相结合。

- xxi. **森林城市高尔夫球场：** 主要的环保高尔夫目的地，拥有令人惊叹且风景如画的高尔夫球场。
- xxii. **高尔夫球场和乡村俱乐部：** 提供具有挑战性的高尔夫球场。
- xxiii. **传奇高尔夫乡村度假村：** 配备多种高尔夫球场设施。
- xxiv. **迪沙鲁水果农场：** 提供摘果、农场参观和品尝新鲜水果等各种活动。
- xxv. **四湾岛 (翡翠园海鲜酒家)：** 享用新鲜的海鲜，以螃蟹和虾为特色的菜肴深受欢迎。
- xxvi. **渔民博物馆：** 展示传统渔民生活的文化遗产景点。
- xxvii. **哥打丁宜市：**
- **TIC 市政厅：** 旅游资讯站。
 - **哥打丁宜博物馆：** 展示柔佛的历史和文化，收藏了各种有趣的文物和展品。
 - **TLC BBQ & Cafe 烤霸：** 以其烧烤菜肴和悠闲氛围而闻名的非清真餐馆。
- xxviii. **南亚港：**
- **马来式和华人中式海鲜餐馆：** 提供各种美味的海鲜佳肴。
 - **鳄鱼世界：** 展示各种鳄鱼品种的有趣景点。
- xxix. **鸵鸟园：** 提供关于鸵鸟和相关产品的教育参观。
- xxx. **大岛：** 适合浮潜和远离城市喧嚣的美丽岛屿。
- xxxi. **拉哇岛：** 以其白色沙滩和清澈海水著称，适合悠闲度假的小岛。
- xxxii. **奥尔岛：** 以其美丽的珊瑚礁而闻名，是潜水和浮潜的理想场所。
- xxxiii. **诗巫岛：** 提供各种海上活动如皮划艇和钓鱼。
- xxxiv. **丁宜岛：** 拥有热带森林和美丽的海滩，对热爱大自然的游客来说是理想的目的地。
- xxxv. **柏邦也岛：** 以自然美景和令人惊叹的潜水活动而闻名。

xxxvi. **登加岛**：这个岛屿拥有豪华的度假村，美丽的海滩和清澈的海水。

xxxvii. **海滩**：

- **丹绒巴劳海滩**：位于哥打丁宜县的一个美丽旅游景点，吸引了许多游客前来参观。
- **丹绒布洛海滩**：这里的海滩风景非常美丽，特别是在日出和日落时，这里是一个受欢迎的公共海滩，适合家庭和朋友一起休闲度假。
- **丹绒素里里海滩**：微风轻拂美丽的海岸，产生了令人陶醉的海洋旋律。
- **彭加梦海滩**：这个海滩因其氛围像巴厘岛而备受关注，并且在山顶有拍照打卡的景点。丹绒彭加梦码头及周边岛屿适合垂钓爱好者。
- **巴西拉嫩海滩（海盗沙滩）**：欣赏美丽的日出和日落的理想地点。
- **亚逸巴板海滩**：在假期期间备受游客欢迎，这里可以进行各种活动，如海水浴、露营和摄影。

B. 柔佛著名美食

柔佛以其多样的传统马来和华人美食闻名，吸引了国内外的游客。来到柔佛必试的几道美食包括：

- i. **麻坡万隆面**：黄面配以辣味浓郁的汤汁，搭配牛肉和虾，并佐以新鲜蔬菜。
- ii. **安邦饭**：传统的爪哇菜肴，通常是与家人和朋友一起分享的大份量食物。
- iii. **乌达（烤鱼）**：一种用椰叶包裹并烧烤的海鲜料理，混合了独特的香料。
- iv. **蚕豆肉酱**：新山流行的早餐菜肴，搭配面包和放在浓郁美味的花生酱上的煎蛋。
- v. **柔佛叻沙**：使用意大利面作为面条的独特叻沙，配以浓郁香辣的鱼汤。
- vi. **柔佛爪哇面**：配有甜酱油汤的面条，并配以豆腐、土豆和煮蛋。
- vii. **柔佛香蕉叶香辣烤鱼**：以香蕉叶包裹，并用特制香料烤制的鱼。
- viii. **布卢达尔糕**：以糯米粉和椰子制成的传统糕点，口感甜美而有弹性。

- ix. “宾让”卤蛋：以各种草药和香料煮制的蛋，味道独特，呈深棕色。
- x. 柔佛印度香饭：以特制香料烹制的米饭，配以鸡肉或羊肉。
- xi. 柔佛印度馅料煎饼：夹有碎肉、鸡蛋和香料，并煎至酥脆的传统面包。
- xii. **Temposa**（类似马铃薯角子/咖喱角）：传统糕点，内含剁碎的肉馅，或者鸡肉和土豆。
- xiii. 番薯糕：以番薯和糖制成的糕点，口感有弹性。
- xiv. 哈利萨：以小麦和肉制成的粥，通常在斋月期间烹制。
- xv. 柔佛螺狮粉：是一种在麻坡人传统中非常受欢迎的零食或小吃。其独特之处在于它的形状类似螺壳，质地酥脆，类似于螺壳的脆皮口感。
- xvi. 柔佛酸辣汤：来自柔佛的酸辣汤，与马六甲的酸辣汤稍有不同。柔佛酸辣汤使用了与马六甲酸辣汤不同的香茅叶和姜花。除了鱼类如梭鱼和刺鱼，也可以将酸辣汤与鸡肉和牛肉混合。所有这些都取决于个人口味和喜好。
- xvii. “毒面”：是一种在峇株巴辖地区非常受欢迎的面食。其甜辣的汤汁和煮了4小时的嫩肉使其味道十分美味。
- xviii. 布拉萨和 **Lepat Lui**（蒸香蕉叶包裹的糯米饭）：这是布吉人传统的食物，通常与姜黄鸡或酸辣汤一起食用。
- xix. 红牛骨汤：红牛骨汤是柔佛南部地区的一道热门菜肴。
- xx. 隆冬沙爹：这道隆冬沙爹的独特之处在于，隆冬的汤汁与压缩米饭、煎蛋、炸豆腐以及特别是沙爹相结合，使其味道非常美味，非常值得尝试。
- xxi. 库兹（**Kuzi**）：这道菜源自柔佛和吉兰丹，类似于 **Kerutuk**（咖喱）和仁当。
- xxii. 贝林因（**Beringin**）饭：最初来自麻坡，它在柔佛皇室成员中供应。

- xxiii. **马斯喀特甜点**：这道甜点受阿拉伯菜肴的启发，是一种传统的班贾尔族甜点。它由洗净和过滤的面粉制成，经过 3 天的发酵后，在炉上烹饪，并与酥油和葡萄干混合。

凭借其独特的旅游吸引力和多样的传统美食，无论是国内还是国外游客，柔佛向每位游客提供了难忘的体验。

为此，柔佛旅游局将举办‘2025 年宏伟柔佛美食奖’，旨在表彰和奖励本州内的优秀餐饮企业和餐馆。此奖项期望进一步提升当地食品行业的表现，并向全世界推广柔佛的文化遗产。

C. 奖项类别

‘2025 年宏伟柔佛美食奖’：三大奖项

‘2025 年宏伟柔佛美食奖’分为三大奖项：清真奖项、非清真奖项和开放式奖项。每个奖项都有特定的条件，参赛者必须遵守由马来西亚伊斯兰宗教委员会（MAIM）、柔佛州伊斯兰宗教局（JAIJ）和马来西亚伊斯兰发展局（JAKIM）制定的指导方针，并符合马来西亚卫生部（KKM）设定的食品卫生和安全标准。

1. 清真奖项

此清真奖项专门针对提供符合马来西亚伊斯兰宗教委员会（MAIM）、柔佛州伊斯兰宗教局（JAIJ）和马来西亚伊斯兰发展局（JAKIM）规定的清真标准的餐厅和食品经营者。需要遵守的主要条件如下：

- a) **清真食材**：所有使用的食材必须经过清真认证。
- b) **食品制作过程**：食品准备过程必须避免与非清真的材料发生任何形式的交叉污染。
- c) **清真证书**：餐厅或食品经营者必须拥有马来西亚伊斯兰发展局（JAKIM）颁发的有效的清真证书。
- d) **培训和教育记录**：所有参与食品准备的员工必须接受关于清真重要性和合规性的培训。（培训记录需保存以备审核）
- e) **定期审核记录**：经营者必须准备接受由宗教部门进行的定期清真审核。（审核记录需保存以备审核）

2. 非清真奖项

此奖项对提供非清真食品的餐厅和食品经营者开放。尽管没有清真要求，但经营者仍需确保遵守由马来西亚卫生部（KKM）制定的严格食品卫生法律和规定。主要条件包括：

- a) **食品卫生和安全：**遵守马来西亚卫生部（KKM）设定的所有食品卫生和安全标准。
- b) **废弃物管理：**以环保方式管理食品废弃物和垃圾，并遵守相关法规。
- c) **员工培训记录：**提供员工食品卫生和安全方面的必要培训。（审核记录需保存以备审核）

3. 开放式奖项

此开放式奖项针对不属于清真或非清真类别的食品经营者。这包括素食、纯素（完全基于植物的食品）及其他（按民族食品）经营者。需要遵守的条件包括：

- a) **食品卫生和安全：**遵守马来西亚卫生部（KKM）设定的所有食品卫生和安全标准。
- b) **使用天然和有机食材：**鼓励使用天然和有机食材（如适用）。
- c) **创新和创意：**在食品制作和呈现上展现创新和创意。
- d) **员工培训记录：**提供员工食品卫生和安全方面的必要培训。（审核记录需保存以备审核）

总结

‘2025年宏伟柔佛美食奖’不仅旨在表彰本州内的优秀食品经营者，还旨在促进对高标准清真和卫生要求的遵守。通过设立这三个主要类别，此奖项能够认可各种类型的食品经营者，同时确保所提供的食品质量高、对所有人都安全可享用。



60年的好味道



MS 1500 : 2009
1001-06/2008



BUATAN MALAYSIA





“蘸好味”是全發醬園有限公司的注册品牌。一家历经三代传承的本地公司，工厂位于檳城新邦安拔轻工业制造区。制造工厂通过了 MeSTI（卫生部）和拥有 JAKIM 的清真认证。

凭借60年的制造经验和专业知识，该工厂专门从事传统代代相传的天然发酵工程（酱油和豆酱）。

从天然发酵酱油和豆酱的核心传统产品开始，该公司目前的产品范围更广，主要针对亚洲厨房需求。产品包括辣椒酱、番茄酱、蚝油、黑晒油、酸梅酱、黑胡椒酱、照烧酱、醋，以及特酿炒酱，以增强烹饪的味道。

这些产品除了在全国内销售之外，还出口到文莱、印度尼西亚、新西兰、澳大利亚和泰国等海外。



MS 1500 : 2009
1001-06/2008



有关更多产品查询，
请致电 012-704 0224 (Mr. Gan) 或 019-356 3792 (En. 哈菲兹)

“蘸好味”有幸 参加 在新山PERSADA举办的
2024 年世界厨师锦标赛



很荣幸能与所有参与者分享60年的好味道，
尤其是我们心爱的柔佛人 SYABAS!





Majestic Johor Food Awards 2025



我们很荣幸能受到柔佛旅游局的邀请，
参与“Anugerah Kulineri Warisan Johor 2025”活动。



Choon Fatt Sauce Factory Sdn Bhd (200701014429)
No. 1672, Lot 7655 Jalan IKS Simpang Ampat I, Kawasan Industri Simpang Ampat,
Mukim 15, Seberang Perai Selatan 14100, Pulau Pinang
www.choonfattsauce.com
Email – enquiry@choonfattsauce.com



M A J E S T I C

JC★HOR

